



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

## MOSTI MENCAPAI PENINGKATAN DANA SEBANYAK RM1.76 BILION DENGAN PULANGAN WANG BERGANDA SEHINGGA 4.9x BERDASARKAN PEMBIAYAAN/PELABURAN KEPADA STARTUP DAN PKS TEMPATAN SEPANJANG TEMPOH 2016-2024

**PUTRAJAYA, 7 Mac 2025** – Bagi memperkasakan ekosistem pembiayaan R&D&C&I Malaysia, Kerajaan melalui **agensi-agensi pembiaya di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** telah menyalurkan RM1.37 bilion sepanjang tempoh 2016 hingga 2024 dalam pelbagai bentuk pembiayaan/pelaburan kepada syarikat pemula (*startup*) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Keseluruhan pembiayaan ini telah menyumbang kepada peningkatan dana sebanyak RM1.76 bilion dengan pulangan wang berganda sehingga 4.9x bagi setiap ringgit yang dilaburkan.

Program pembiayaan yang dilaksanakan oleh agensi pembiaya MOSTI dari tahun 2016 hingga 2024 telah memberikan impak yang besar kepada negara melalui penciptaan 17,282 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, menyumbang sebanyak RM12.99 bilion kepada KDNK negara, 360 harta intelek berjaya dipasarkan dan penghasilan 170 produk/perkhidmatan bersifat *disruptive technology*. Sehingga 31 Disember 2024 juga, sebanyak 4,319 buah *startup* telah berdaftar di dalam portal MyStartup yang dikendalikan oleh pihak Cradle.

**Agensi pembiaya di bawah MOSTI adalah Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), Kumpulan Modal Perdana (KMP), Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), VentureTECH (VT), NanoMalaysia Berhad (NMB) dan Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (BEC).**

Cradle memainkan peranan utama dalam membangunkan *startup* melalui pelbagai program pembiayaan. Pada tahun 2017, Cradle memperkenalkan program pelaburan ekuiti DEQ800 serta geran CIP300. Selepas program DEQ800 ditamatkan pada tahun 2019, Cradle melancarkan program pembiayaan baharu iaitu CIP *Ignite* dan CIP *Accelerate* pada tahun 2020. Bermula pada 10 Mac 2022, Cradle menjenamakan semula program pembiayaannya kepada CIP *Spark* dan CIP *Sprint* untuk menyokong pembiayaan di peringkat *pre-seed* dan *seed* bagi *startup* teknologi. Sehingga 2024, Cradle telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM161 juta kepada *startup* tempatan.

KMP pula memfokuskan kepada pembiayaan berbentuk ekuiti kepada syarikat yang berteknologi tinggi dalam bidang Elektrik dan Elektronik (E&E) dan sektor Tenaga Boleh Diperbaharui (RE)/ Tenaga Hijau serta lain-lain teknologi mendalam di peringkat awal, pertumbuhan dan matang dari dalam dan luar negara. Sepanjang tahun 2016 hingga 2024, KMP telah melabur sebanyak RM134.40 juta kepada syarikat-syarikat *deeptech* di dalam sektor ini.

Sementara itu, MDV menawarkan pembiayaan dalam bentuk pinjaman untuk mempercepatkan pertumbuhan syarikat teknologi. Program pembiayaan MDV bertujuan membantu syarikat untuk mengatasi cabaran aliran tunai dan meningkatkan kadar pengkomersialan teknologi. Sepanjang tempoh 2016 hingga 2024, MDV telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM114 juta kepada syarikat teknologi tempatan.

Dalam usaha mengukuhkan lagi ekosistem pembiayaan *startup*, MTDC menyediakan tiga bentuk pembiayaan hibrid merangkumi geran, *Convertible Promissory Note* (CPN) dan *Redeemable Convertible Preference Share* (RCPS). Sejak 2016, MTDC telah menawarkan geran *Halal Technology Development Fund* (HTDF) serta melaksanakan inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS). Sehingga kini, MTDC telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM533.23 juta kepada *startup* dan PKS tempatan.

VentureTECH merupakan anak syarikat milik penuh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) yang memainkan peranan sebagai entiti pelaburan strategik kerajaan dengan mandat untuk memperkasa pembangunan syarikat Bumiputera. Sejak 2016 hingga 2024, VentureTECH telah menyalurkan dana sebanyak RM242.55 juta dalam bentuk pembiayaan ekuiti kepada syarikat dalam sektor Bioteknologi dan Industri Berasaskan Bio, Industri Hijau serta Industri Baru Muncul.

NMB ditubuhkan pada 2011 sebagai syarikat berstatus *Company Limited by Guarantee* (CLBG) yang diselia di bawah MOSTI dan berperanan sebagai pemacu utama pengkomersialan dan pembangunan industri nanoteknologi negara. Melalui program pembiayaan hibrid seperti REVOLUTioNT, Graphenovation, iNanovation, Hydrogen Economy 2.0 dan NESTI, NMB telah menyalurkan dana sebanyak RM146.52 juta sehingga 31 Disember 2024 kepada syarikat yang terlibat dalam projek berkaitan nanoteknologi.

Dalam sektor bioteknologi, BEC terus komited dalam memacu agenda Dasar Bioteknologi Negara 2.0, dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara bio-inovasi berteknologi tinggi yang progresif, makmur, inklusif dan mampan. Melalui *Agro Based Venture Fund* (AGVF) yang diperkenalkan sejak 2021, BEC telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM38 juta kepada syarikat yang berinovasi dalam bidang bioteknologi dan industri berdasarkan bio.

Dengan jumlah pelaburan yang signifikan, Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya sebagai hab inovasi berteknologi tinggi di rantau ini, selari dengan aspirasi negara ke arah ekonomi berasaskan sains, teknologi dan inovasi serta memperkuuh daya saing syarikat tempatan di pasaran global.

**#TAMAT#**

**Disediakan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
7 MAC 2025**



## MATRIKS IMPAK PEMBIAYAAN (OUTCOME)

(RMKe-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2024)



**RM1369.70** JUTA

JUMLAH PEMBIAYAAN



**RM12,990.41** JUTA

SUMBANGAN KDNK



**17,282**

PELUANG PEKERJAAN  
*High Skilled Workers*



**360** HARTA INTELEK

TELAH BERJAYA DIPASARKAN



**78.8%**

KADAR PENGKOMERSIALAN



**1.39x – 4.9x**

PURATA NILAI WANG  
BERGANDA  
BAGI SETIAP RM1



**90**

BIL. SYARIKAT STARTUP LUAR  
NEGARA/ KE PASARAN LUAR  
NEGARA



**RM1,760.57** JUTA

PENINGKATAN DANA PELABURAN



**170**


PRODUK/ PERKHIDMATAN  
BERSIFAT *DISRUPTIVE  
TECHNOLOGY*



**4,319**

STARTUP BERDAFTAR  
DALAM MYSTARTUP

\*Sehingga 31 Disember 2024



**0.695%**

SUMBANGAN KEPADA  
KDNK NEGARA

\*Berdasarkan KDNK 2023 (USD)



**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Puan Norbaya binti Othman**

Setiausaha Bahagian

Bahagian Dana

(03-8885 8298)

**Puan Suhaida binti Mohd Kamirazaman**

Ketua Penolong Setiausaha

Bahagian Dana

(03-8885 8393)

**Tentang Agensi Pembiaya MOSTI:**

Bahagian Dana merupakan urusetia kepada Jawatankuasa Penyelaras Agensi Pembiaya (JPAP) yang bertindak sebagai platform untuk mengawal selia tujuh (7) buah agensi pembiaya di bawah MOSTI iaitu Cradle Fund Sdn. Bhd. (CFSB), Kumpulan Modal Perdana (KMP), Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), VentureTECH (VT), NanoMalaysia Berhad (NMB) dan Bioeconomy Malaysia Berhad (BEC). Kesemua agensi pembiaya ini menawarkan fasilitasi pembiayaan kepada *startup* dan SME melalui skim geran, ekuiti dan pinjaman kepada pemohon yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut dan terkini, sila layari laman sesawang seperti berikut:

1. CFSB, (<https://cradle.com.my>);
2. KMP (<https://modalperdana.com>);
3. MTDC (<https://www.mtdc.com.my>);
4. MDV (<https://www.mdv.com.my>);
5. VentureTECH (<https://www.venturetech.my>);
6. BEC (<https://www.bioeconomycorporation.my>); dan
7. NMB (<https://nanomalaysia.com.my>).